

Peralihan kuasa

UCAPAN Dr. Mahathir kepada orang ramai termasuk penyokong UMNO dan Barisan Nasional (BN) di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang semalam:

ALHAMDULILLAH kerana peralihan kuasa di Malaysia dapat dijalankan dengan cukup licin tanpa ada masalah. Ini adalah kerana tuan puan penyokong kuat kepada parti-parti kerajaan dan kepada kerajaan.

Tak ada berbelah-bahagi dari segi sokongan kepada kerajaan

dan sokongan yang kuat inilah membolehkan kita mentadbir negara kita ini semasa aman, semasa tenang, semasa krisis dan semasa pertukaran pemimpin kerajaan.

Alhamdulillah, kita perlu bersyukur dengan keadaan di negara kita ini kerana biasanya peralihan kepimpinan kerajaan menyebabkan macam-macam masalah, huru-hara, rebutan kuasa dan sebagainya.

Saya telah berjumpa sebelum bertolak ke luar negara, dengan pemimpin dari UMNO, saya minta maaf kerana masa terlalu singkat untuk jumpa pemimpin

BN. Namun demikian Alhamdulillah, Abdullah dapat sampaikan hasrat saya kepada pemimpin BN.

Dalam pertemuan itu, mereka setuju untuk program peralihan kepimpinan.

Menyokong

Saya menyokong penuh pelantikan Abdullah sebagai pengganti saya dan juga pemimpin-pemimpin yang lain dalam UMNO, mereka juga bersetuju tak ada apa-apa rebutan walaupun untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan

berjalan licin

Presiden. Saya yakin bahawa Datuk (Seri) Abdullah akan diberi sokongan penuh oleh barisan kepimpinan UMNO dan BN.

Kita masih banyak lagi yang nak kita usahakan untuk membangunkan negara kita. Saya percaya negara kita punyai potensi cukup besar untuk dimajukan dan untuk menjadi sebuah negara maju pada 2020.

Dan bagi sesetengah wilayah lebih awal dari itu. Kalau tak ada perbalahan antara kita dan sokongan yang kuat diteruskan, insya-Allah, rakyat akan nikmati segala kemudahan dan nikmat dalam sebuah negara yang

menjadi negara maju.

Inilah harapan kita semua dan ini harapan saya dan saya akan terus berkhidmat dalam parti walaupun tidak memegang jawatan kerana ini akan memberi masa lebih untuk saya bertemu dengan penyokong parti, kerajaan dan orang ramai untuk menjelaskan dasar kerajaan dan cara-cara kita di Malaysia.

Saya harap dapat bertemu seramai mungkin rakyat, ahli parti, ahli komponen dan lain untuk menjelaskan betapa penting kita teruskan cara-cara baik yang diamalkan di Malaysia.

Saya ucap terima kasih kepa-

da semua yang hadir dan saya rasa cukup bersemangat dengan sokongan yang dikemukakan.

Insya-Allah, selepas 16 bulan saya tidak lagi jadi Perdana Menteri dan Presiden parti, saya tidak hampakan harapan tuantuan.

Terima kasih kepada semua kerana sudi datang untuk sambut kepulangan saya.

Selama 10 hari, saya sempat untuk berfikir panjang dan saya berpendapat keputusan yang saya buat ini adalah baik untuk kita semua, negara, rakyat dan kemajuan bersama dalam negara kita ini.